

01/05/1999

Usah permudah hak, keperluan wanita

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

WALAUPUN wanita sudah diterima sebagai penyumbang kepada ekonomi negara, masih banyak pihak yang memandang remeh kepada keupayaan wanita dan hak mereka sebagai pekerja.

Isu seperti gangguan seksual dan kurangnya sistem sokongan dan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja menjadi topik perbincangan sejak sekian lama. Bagaimanapun, kecuali isu gangguan seksual, perjuangan mewujudkan sistem sokongan yang lebih baik adalah ibarat anjing menyalak bukit.

Ia mungkin terus menjadi topik perbincangan kerana agak sukar untuk mendapatkan kerjasama pelbagai pihak terutama majikan bagi melaksanakannya. Kita masih sukar mencari sebuah organisasi yang benar-benar mesra wanita.

Namun, dengan penubuhan Kanun Amalan Gangguan Seksual oleh Kementerian Sumber Manusia baru-baru ini, pekerja wanita mungkin boleh tersenyum lebar kerana sekurang-kurangnya suara mereka masih didengar.

Sehubungan itu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Bahagian Wanita menggesa kementerian berkenaan segera melaksana dan menguatkuasakan kanun itu.

Setiausahanya, Pramodini Menon, berkata, satu memorandum akan diserahkan kepada Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak sebelum diserahkan kepada menteri berkenaan, Datuk Lim Ah Lek.

"MTUC menggesa kerajaan melaksanakan segera kanun itu dan meminta agar kami diberi kuasa untuk memberi penjelasan kepada syarikat mengenainya," katanya ketika dihubungi Berita Harian, baru-baru ini.

Gesaan ini adalah antara agenda utama yang diketengahkan MTUC bahagian wanita sempena sambutan Hari Buruh hari ini.

Pramodini berkata, sungguhpun kanun itu disambut baik tetapi beliau percaya masih ramai majikan yang tidak peka mengenainya dan ini akan merugikan pekerja wanita khususnya.

Di samping itu, beliau berkata, agenda kedua yang akan diketengahkan ialah menggesa kerajaan mengeluarkan polisi berkaitan Pusat Jagaan Kanak-Kanak di tempat kerja dengan majikan perlu menyumbang 30 peratus kepada kosnya.

Beliau berkata, satu lagi memorandum akan diserahkan kepada Senator Zainal sebelum diserahkan terus kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Setiap kali seorang anak sakit atau mempunyai masalah di sekolah, si ibulah yang akan mengambil cuti kecemasan sedangkan tanggungjawab itu sepatutnya ditanggung sama oleh kalangan bapa.

"Jadi, sekiranya wanita saja yang sentiasa mengambil cuti, ia menunjukkan seolah-olah wanita tidak produktif dan majikan seringkali menggunakan alasan ini untuk tidak menaikkan pangkat pekerja wanita," kata Pramodini.

Pramodini berkata, dengan adanya pusat jagaan ini, pekerja wanita tidak lagi perlu membazir masa melawat anak mereka di tempat lain atau bimbang dengan keadaan anak mereka di rumah.

Ini kerana, katanya, mereka boleh menggunakan masa makan tengah hari atau minum petang untuk menjenguk anak atau bagi wanita yang menyusu badan, mereka boleh berbuat demikian dengan lebih selesa.

"Penyusuan ibu amat penting kepada bayi, terutama bagi bayi yang baru lahir. Sebenarnya, penyusuan ibu perlu diberikan sekurang-kurangnya sehingga bayi itu berumur lima bulan.

"Ambil contoh Sweden dan Belanda misalnya. Cuti bersalin bagi pekerja wanita ialah lima bulan. Mungkin agak sukar untuk kita meminta majikan memberi cuti selama lima bulan tetapi majikan perlulah mengambil kira aspek penyusunan ini dengan menyediakan pusat jagaan itu," katanya.

Menurut Pramodini, agenda ketiga yang akan diketengahkan ialah mengenai hak pekerja wanita menganggotai kesatuan sekerja secara aktif.

Beliau berkata, setiap pekerja berhak menganggotai mana-mana kesatuan sekerja secara aktif sebagaimana yang ditetapkan semasa konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pada tahun 1997.

"Kami mahu kerajaan mengiktiraf ketetapan itu kerana setiap pekerja perlu tahu dan arif akan hak mereka sebagai pekerja," tambahnya.

Pada masa yang sama, Pramodini menggesa wanita untuk berubah sikap dan mengambil tahu hak mereka sebagai pekerja.

"Menjelang alaf baru ini, wanita perlu tahu akan hak mereka. Kita tidak mampu lagi membiarkan diri kita ditindas kerana wanita juga adalah penyumbang besar kepada pembangunan negara," katanya.

Pengerusi Organisasi Pertolongan Wanita (WAO) Ivy Josiah, turut merasakan sudah tiba masanya bagi semua pihak untuk menghargai sumbangan yang diberikan wanita dalam pembangunan negara.

"Sumbangan wanita amat besar kepada negara kerana mereka bukan saja mampu menguruskan segala urusan rumah tangga dan hal penjagaan anak malah mereka juga mampu memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, sebagai tanda penghargaan wanita perlu diberi peluang sama rata dalam mana-mana sektor pekerjaan, terutama dalam soal kenaikan pangkat.

Ini kerana, majikan sering mempertikaikan kewibawaan dan keupayaan pekerja wanita hanya kerana mereka sudah berkeluarga, kata Ivy.

Pada masa yang sama, katanya, golongan bapa juga perlu membantu wanita, terutama dalam urusan rumah tangga kerana tanggungjawab ini bukan lagi dipikul isteri seorang tetapi ia adalah tanggungjawab bersama.

"Sekiranya seorang isteri yang bekerja mampu membuat kerja rumah dan menjaga anak, tidak mustahil si suami tidak boleh melakukan perkara yang sama. Sebaiknya, kedua-dua suami dan isteri perlu membantu sesama sendiri kerana masing-masing memikul tanggungjawab yang sama," tambah Ivy.

Sementara itu, jurucakap Persatuan Pergerakan Wanita (Awam) Loke Kit Lai mempersoalkan peluang yang diberikan kepada pekerja lelaki dan wanita terutama dalam sektor teknologi.

Menurut Kit Lai, majikan sering mengutamakan pekerja lelaki apabila ada peluang kenaikan pangkat walaupun pekerja wanitanya mempunyai kebolehan dan keupayaan yang sama seperti pekerja lelaki.

"Apabila nak bagi latihan kemahiran, majikan akan menyuruh kedua-dua pekerja lelaki dan wanita mengikutinya tetapi apabila naik pangkat, pekerja lelaki saja yang diberi keutamaan," katanya.

Beliau berkata, sudah tiba masanya majikan mengubah sikap dan tidak bersikap diskriminasi kepada setiap pekerjanya.

Mengenai Kanun Amalan Gangguan Seksual yang diwujudkan kerajaan, beliau berkata, Awam menyambut langkah itu dengan baik dan memberi sokongan penuh kepada pelaksanaannya.

"Apa yang diharapkan, syarikat swasta khususnya dapat melaksanakan kanun itu dengan adil," katanya.

(END)